

19/03/2003

Astro akan siar Postcards From A Prime Minister

KUALA LUMPUR: Pengalaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengembara ke Benua Antartika tahun lalu akan dapat dikongsi rakyat Malaysia dan masyarakat dunia apabila program khas, Postcards From A Prime Minister, akan disiarkan menerusi Saluran 11 (Travel & Adventure), di Astro, Ahad ini.

Catatan perjalanan ekspedisi pada 5 hingga 13 Februari tahun lalu itu juga menampilkan rakaman video oleh Perdana Menteri sendiri melalui kamera digital peribadinya.

Rakaman penjelajahan ke hujung dunia itu menyaksikan detik bersejarah delegasi yang turut disertai 60 ahli delegasi Malaysia menjejakkan kaki ke Antartika buat pertama kalinya.

Rancangan itu memuatkan rakaman suara Dr Mahathir yang menceritakan pengalamannya yang bermula dari Ushuaia, Argentina hingga suasana menempuh lautan asing untuk sampai ke kawasan Antartika. Ekspedisi menuju ke bumi sejuk itu menggunakan kapal pemecah ais Russia, Kapitan Dranitsyn, juga memperlihatkan pengalaman yang cukup mencabar.

Selain itu, penonton juga berpeluang mengenali personaliti Perdana Menteri secara lebih dekat dengan aksi ceria dan bersahaja sepanjang percutian paling bermakna itu berbanding personalitinya sebagai ketua kerajaan yang selalunya lebih serius dan tegas.

Kunjungannya ke Antartika juga adalah untuk menyuarakan kesungguhan Malaysia yang berpendirian tegas supaya kawasan terpencil itu tidak dituntut mana-mana negara kerana ia adalah khazanah alam paling berharga untuk dikongsi sejagat.

Antara paparan menarik adalah rakaman Dr Mahathir yang memperlihatkan peristiwa sebuah pesawat yang cuba mendarat di permukaan laut beku hingga menimbulkan kerisauan Datin Seri Dr Siti Hasmah.

"Yang (Dr Siti Hasmah), tengok ada helikopter mendarat di atas ais," kata beliau yang kusyuk merakam detik cemas helikopter yang seolah tersangkut di permukaan ais dari dalam biliknya.

Pengarah, penerbit dan penulis bersama Postcards From A Prime Minister, Azlina Ahmad, percaya rancangan itu adalah ruang terbaik untuk penonton bukan saja di Malaysia malah di seluruh dunia mengenali Dr Mahathir secara peribadi selain mengetengahkan pendirian Malaysia mengenai Antartika.

Menurut Azlina, tugas selaku pengarah dan penerbit bersama adalah tanggungjawab besar dan menjadi cabaran untuk melaksanakannya, selain perlu menyediakan semua rakaman visual yang siap disunting sebelum mengadakan sesi memasukkan suara latar (voice over) bersama Perdana Menteri.

"Terbabit dalam penerbitan sebegini adalah satu pengalaman yang sukar dilupakan. Maklumlah, beliau sibuk dan saya perlu buat persiapan secukupnya. Pada hari voice over diadakan, Perdana Menteri cukup bersahaja bercerita pengalamannya dan beliau gembira dapat berkongsi kisah pengembaraannya itu dengan rakyat dan masyarakat dunia," katanya selepas pratonton rancangan itu di Dewan Gold Class, Golden Screen Cinemas (GSC) di Mid Valley, di sini, semalam.